

Mata Wang Malaysia Siri Baharu

Pengenalan

Pengenalan duit syiling Malaysia siri ketiga dan wang kertas Malaysia siri keempat menandakan satu lagi pencapaian penting bagi Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di Malaysia. Setiap siri wang kertas dan duit syiling memaparkan ciri-ciri unik dan tersendiri negara ini. Siri wang kertas dan duit syiling terbaharu ini juga menggabungkan pelbagai inovasi dan ciri keselamatan yang lebih canggih dari segi teknologi berbanding dengan keluaran siri duit syiling dan siri wang kertas terdahulu, masing-masing pada tahun 1989 dan 1996.

Duit Syiling Malaysia Siri Ketiga

Duit syiling Malaysia siri ketiga dilancarkan pada 25 Julai 2011 dan telah berada dalam edaran sejak 16 Januari 2012. Duit syiling baharu dalam denominasi 50 sen, 20 sen, 10 sen dan 5 sen akan secara beransur-ansur menggantikan siri sedia ada yang telah berada dalam edaran sejak tahun 1989. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', duit syiling baharu ini mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan identiti kebangsaan Malaysia. Bahagian hadapan semua duit syiling memaparkan empat belas titik yang mewakili tiga belas buah negeri dan Wilayah Persekutuan, manakala lima garisan mendatar pula melambangkan lima prinsip Rukun Negara, kecuali duit syiling 50 sen. Garisan halus pada motif latar belakang duit syiling 50 sen baharu adalah sebahagian daripada ciri keselamatan. Motif berbeza yang dipaparkan pada bahagian belakang setiap denominasi adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
50 sen	Sulur kacang
20 sen	Bunga Melur
10 sen	Motif Orang Asli
5 sen	Destar Siga



Pada amnya, duit syiling baharu ini adalah lebih kecil, lebih ringan dan lebih mesra pengguna. Duit syiling siri baharu ini diperkenalkan dalam dua warna - kuning dan perak, dengan ciri gerigi berlainan pada sisinya supaya mudah dikenali dan dibezakan. Reka bentuk ini digunakan setelah mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh golongan kurang upaya penglihatan.

Duit syiling siri baharu ini menggunakan teknologi penempaan terkini yang memasukkan ciri keselamatan yang lebih baik untuk mengelak daripada pemalsuan. Ciri keselamatan terkini yang dimasukkan dalam duit syiling 50 sen baharu ialah imej pendam dan tekstur berlekuk untuk menyukarkan pemalsuan dan juga bagi memudahkan pengesahan ketulenannya. Orang ramai boleh melihat angka "50" dan huruf "SEN" apabila duit syiling ini disengetkan sedikit. Pada masa yang sama, logam baharu turut digunakan untuk menjadikan duit syiling ini lebih tahan lama dengan adanya ciri perlindungan tahan haus dan tahan hakisan. Spesifikasi teknikal duit syiling siri baharu ini adalah seperti yang berikut:

Denominasi	50 sen	20 sen	10 sen	5 sen
Logam	Nikel Loyang Bersalut kuprum	Nikel Loyang	Keluli Tahan Karat	Keluli Tahan Karat
Garis pusat (mm)	22.65	20.60	18.80	17.78
Ketebalan (mm)	1.92	1.75	1.50	1.12
Berat (gram)	5.66	4.18	2.98	1.72
Bentuk	Bulat berlekuk 9	Bulat	Bulat	Bulat
Ciri gerigi	Kosong	Kasar	Halus	Kosong
Warna	Kuning	Kuning	Perak	Perak

Wang Kertas Malaysia Siri Keempat

Wang kertas Malaysia siri keempat telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 21 Disember 2011. Sama seperti duit syiling Malaysia siri ketiga, siri wang kertas Malaysia terbaharu ini diilhamkan daripada ciri-ciri Malaysia yang tersendiri. Wang kertas siri ini memaparkan ekspresi tradisional berilhamkan seni dan kraf tangan tradisional, keajaiban alam semula jadi, flora dan fauna, serta ekonomi dan tradisi negara.

Bahagian hadapan kesemua denominasi wang kertas baharu ini mengekalkan potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, serta bunga kebangsaan, iaitu bunga raya *Rosa-sinensis* (dikenali sebagai Bunga Raya dalam kalangan penduduk tempatan) dan corak tenunan tradisional iaitu songket. Motif berlainan yang dipaparkan pada bahagian belakang wang kertas adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
RM100	Gunung Kinabalu dan pembentukan batu mercu batu kapur di lembah Gunung Api
RM50	Kelapa Sawit dan Bioteknologi
RM20	Penyu Karah dan Penyu Belimbing
RM10	Bunga <i>Rafflesia Azlanii</i>
RM5	Burung Enggang Badak
RM1	Wau Bulan



Wang kertas RM20 diperkenalkan semula dalam siri baharu ini selepas ditampilkan buat kali pertamanya dalam siri kedua pada tahun 1982. Wang kertas ini akan menjadi denominasi pengantara antara denominasi RM10 dengan RM50 untuk memudahkan urusan pembayaran. Wang kertas RM20 tidak dikeluarkan dalam wang kertas Malaysia siri ketiga.

Ciri-ciri keselamatan baharu yang dimasukkan dalam wang kertas siri baharu ini termasuklah potret tera air dengan piksel dan angka, benang kanta mikro dan petak kilat berwarna-warni. Dengan tujuan untuk membiasakan dan memudahkan orang ramai, Bank mengekalkan ciri-ciri keselamatan sedia ada yang didapati berkesan, seperti imej tanda bayang, tingkap pandang telus, benang keselamatan dengan warna berubah-ubah, tanda pandang telus, unsur cahaya pendarfluor limunan, cetakan intaglio dan cetakan huruf mikro. Wang kertas ini dicetak menggunakan substrat tahan lama supaya dapat bertahan lama dan berkualiti tinggi semasa dalam edaran. Spesifikasi teknikal bagi wang kertas baharu ini adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Substrat	Ukuran (mm)	Warna
RM100	Kertas	150 x 69	Ungu
RM50	Kertas	145 x 69	Hijau-biru
RM20	Kertas	145 x 65	Jingga
RM10	Kertas	140 x 65	Merah
RM5	Polimer	135 x 65	Hijau
RM1	Polimer	120 x 65	Biru

Wang kertas siri baharu ini mengekalkan saiz dan warna utama yang sedia ada untuk memudahkan orang ramai menggunakannya. Bagi golongan kurang upaya penglihatan, ciri Braille juga dikekalkan.

Wang kertas Malaysia siri keempat ini akan berada dalam edaran pada separuh kedua tahun 2012. Wang kertas RM50 merupakan denominasi pertama dalam siri ini yang diperkenalkan dalam edaran setelah ia dilancarkan pada 21 Disember 2007 bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia ke-50.

Kesimpulan

Mata wang lazimnya mencerminkan identiti sesebuah negara melalui paparan budayanya yang unik, khazanah alam semula jadi dan warisan sejarahnya. Selaras dengan tanggungjawabnya untuk menyediakan mata wang Malaysia berkualiti tinggi dan terus diyakini ramai, Bank Negara Malaysia telah menggunakan teknologi terkini dan spesifikasi teknikal yang lebih baik untuk memastikan mata wang Malaysia lebih tahan lama dan lebih berkualiti. Meskipun isu pemalsuan wang tidak begitu ketara, ciri-ciri keselamatan yang terkini dan lebih baik diperkenalkan dari semasa ke semasa sebagai langkah awalan untuk meningkatkan integriti mata wang kertas dan duit syiling Malaysia.

Mata wang siri baharu ini adalah sah diperlakukan dan akan berada dalam edaran bersama-sama siri terdahulu, sehingga siri terdahulu dikeluarkan kesemuanya daripada edaran secara berperingkat-peringkat.